

05/10/2002

Lembaga Penasihat Bioteknologi ditubuh

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Lembaga Penasihat Bioteknologi, yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan ditubuhkan tidak lama lagi dalam usaha memajukan bidang bioteknologi di negara ini.

Lembaga itu yang akan dianggotai pakar bioteknologi dari dalam dan luar negara bertanggungjawab menasihati dan memberi pandangan kepada kerajaan berhubung perkara berkaitan teknologi berkenaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding, berkata langkah itu penting bagi memastikan pendekatan dan strategi yang dilaksanakan kerajaan dalam memajukan bidang itu sentiasa di landasan yang betul.

Mengumumkan perkara itu pada hari penutup Persidangan Antarabangsa Bioteknologi Malaysia (Bio Malaysia) 2002, di sini hari ini, beliau berkata pihaknya kini sedang meneliti pelaksanaan langkah itu, siapa dan berapa ramai anggota serta bagaimana lembaga itu akan berfungsi.

"Saya sudah mengeluarkan arahan untuk mengenal pasti pakar berkaitan dari dalam dan luar negara untuk dipertimbangkan Kabinet dan Perdana Menteri. Proses ini sedang berjalan dan kita belum mengemukakan sebarang jemputan kepada mana-mana pakar," katanya.

Mengulas kemampuan Malaysia untuk memajukan bidang bioteknologi, Law berkata, berdasarkan penilaian kekuatan dan kelemahan negara dalam bidang itu, kerajaan memutuskan untuk memberi penekanan kepada tiga bidang utama iaitu pertanian, farmaseutikal dan genomik.

Beliau berkata, dengan kekayaan sumber semula jadi negara, Malaysia mempunyai kelebihan untuk memajukan tiga bidang berkenaan yang berasaskan kepada kekayaan khazanah negara itu.

Malah, katanya, negara mempunyai sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam bidang berkenaan.

Ditanya mengenai pembiayaan untuk menggalakkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang bioteknologi, beliau berkata sektor swasta juga harus memainkan peranan bagi memajukan bidang berkenaan di negara ini.